

[FOTO IHSAN UMP]

Fakta
nombor

RM70,000

UMP terima
sumbangan
zakat bagi
membantu
pelajar

Ibrahim (depan kanan) bersalam dengan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Mohd Nasir Ibrahim dan 12 rakan strategik yang menyalurkan sumbangan kepada Tabung Endowmen MyGift

Tabung Endowmen MyGift sasar bina masjid, asrama

UMP jangkakan RM1.4 juta diterima hasil sumbangan korporat

Oleh Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
cnews@nstp.com.my

► Pekan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjangkakan RM1.4 juta sumbangan korporat yang diterima universiti itu mampu menampung kos pembinaan pelbagai kemudahan diperlukan.

Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Datuk Seri Ibrahim Ahmad, berkata, dana yang diterima di bawah Tabung Endowmen MyGift mampu melaksanakan pelbagai prasarana yang dirancang seperti projek pembinaan masjid dan bangunan asrama pelajar.

"Dana ini adalah hasil sumbangan zakat dan wakaf daripada badan korporat berjumlah RM546,420, manakala RM854,754 dikumpulkan atas inisiatif pelbagai jabatan di universiti ini sejak Januari lalu.

"Pada masa sama, pihak kami menerima sumbangan zakat pelajar berjumlah RM70,000 bagi membantu pelajar UMP yang mempunyai masalah kewangan dalam pengajian dan RM50,000 untuk wakaf pembinaan kolej kediaman yang bakal menempatkan pelajar ya-

tim piatu dan asnaf," katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Apresiasi MyGift di Dewan Bankuet UMP, Kampus Pekan, di sini, semalam.

Perkasa pembangunan modal insan

Ibrahim berkata, Tabung Endowmen MyGift yang dilancarkan sejak tahun 2016 dilihat mampu memperkasakan pembangunan modal insan serta pembangunan infrastruktur universiti itu melalui kerjasama dengan rakan strategik pusat pengajian itu.

Beliau berkata, pelaksanaan tabung berkenaan membolehkan rakan strategik UMP menyumbang melalui zakat, wakaf dan sedekah sekali gus menjadi inisiatif dalam melahirkan masyarakat berpendidikan

yang berkualiti.

"MyGift adalah kaedah penyelesaian kreatif yang sedikit sebanyak membantu UMP menyalurkan pelbagai insentif dan bantuan, sama ada dalam bentuk projek pengupayaan atau pembangunan.

"Saya harap rakan strategik kita yang sedia ada dapat terus mengekalkan kerjasama ini selain itu kita cuba terokai kerjasama dengan organisasi lain yang berpotensi menjadi rakan strategik baharu," katanya.

Sebanyak 12 rakan strategik terlibat dalam bersama menyalurkan sumbangan kepada Tabung Endowmen MyGift, antaranya Tenaga Nasional Berhad, Maybank Islamic Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, UMW Holdings, UMP Holdings dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.